

2,337 belia ditahan terlibat rasuah

Antara kesalahan melibatkan buat tuntutan palsu, guna kedudukan, pengubahan wang haram

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI PETALING JAYA

Seramai 2,337 individu terdiri daripada golongan belia ditahan terlibat dalam pelbagai kesalahan rasuah dalam tempoh lima tahun lalu.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, keseluruhan angka itu melibatkan individu berumur antara 16 hingga 40 tahun.

"Sebanyak 1,073 pertuduhan dan 575 orang yang telah disabitkan atas kesalahan rasuah antaranya melibatkan kesalahan menerima dan memberi rasuah, membuat tuntutan palsu, menggunakan jawatan atau kedudukan, pengubahan wang haram dan pelbagai kesalahan lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika perasmian penutup Hari Antirasuah Antarabangsa di Auditorium Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Kelana Jaya pada Isnin.

Menurutnya, data yang diperoleh



Azam (dua dari kiri) ketika ditemui media selepas Program Sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa 2024 di Auditorium Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad pada Isnin.

itu memberikan gambaran aktiviti rasuah dalam kalangan golongan belia kini semakin serius.

"Perbuatan rasuah ini secara langsung perlu dibendung supaya tidak dinormalisasikan dalam kehidupan.

"SPRM sentiasa memainkan peranan penting dalam mencegah gejala rasuah dan mendidik masyarakat terutamanya belia agar meningkatkan integriti dan membenci rasuah.

"SPRM telah menjalankan pelbagai aktiviti pendidikan secara bersemuka antaranya program berbentuk forum, konvensyen, diskusi meja bulat, seminar, bengkel, pameran, ceramah, program turun padang dan lawatan," katanya.

Azam berkata, sebanyak 257 program melibatkan 38,807 peserta dicatatkan dalam program pendidikan masyarakat bersama belia sejak 2022 sehingga November tahun ini.

"Bagi Program Pendidikan masyarakat Ibu Pejabat dan SPRM Negeri bersama NGO/Pertubuhan sepanjang tempoh berkenaan mencatatkan 152 program dan 15,083 peserta.

"Masa depan negara bergantung pada sejauh mana kita berjaya membanteras rasuah. Jika dibiarkan berterusan, rasuah akan menghakis keyakinan rakyat dan ketidakadilan sosial akan berlaku. Malah rasuah menghadkan peluang ekonomi kepada rakyat," katanya.